

FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:-

Pejabat Am

Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

Tel : 6088 - 320 000

Samb : 611 010

Faks : 6088 - 321 373

E-mel : pejfpsk@ums.edu.my

Website : www.ums.edu.my/fpsk/

Pengenalan

Sekolah Perubatan ditubuhkan pada tahun 2003 bertujuan untuk menambahkan bilangan graduan doktor perubatan dan sains kesihatan untuk menampung keperluan tenaga profesional dan lain-lain kepakaran kesihatan di Malaysia dan kawasan BIMP-EAGA. Ianya telah diberi nama baru Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan pada tahun 2014. Pendekatan pembelajaran dan pengajaran di fakulti adalah untuk mendidik graduan pada abad ke dua puluh satu yang gpenyayang, cekap, mulia dalam watak, memahami nilai dan peka terhadap kehidupan budaya tempatan. Selain mencapai kecemerlangan akademik, penyelidikan dan inovasi, graduan akan didedahkan dengan pemikiran kritis,cekap, progresif dengan keupayaan untuk bekerja dalam suasana harmoni dengan sector kesihatan dan sektor-sektor lain yang berkaitan. Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan bertekad untuk mengorak langkah dan merangka strategi menjadi sebuah pusat kecemerlangan penyelidikan dan perkhidmatan di rantau ini.

Objektif

Untuk menghasilkan graduan yang berkeترampilan tinggi dalam profesionnya dan mampu:

- Memberi jagaan, rawatan dan khidmat kesihatan yang komprehensif kepada pesakit, keluarga dan masyarakat disekitarnya dengan mengambil kira latarbelakang maruah, kerahsiaan dan risiko kesihatan mereka.
- Menunjukkan sikap yang betul dan profesionalisme yang tinggi kepada pelanggan kesihatan, rakan sekerja, profesional kesihatan yang lain dan komuniti.
- Mengenalpasti keupayaan diri dalam memberi perkhidmatan dan meminta bantuan bila perlu.
- Berkomunikasi dengan berkesan samada semasa kaunseling, memberi rawatan ataupun pendidikan kesihatan.
- Menggunakan kemahiran yang dipelajari untuk mengenal pastimasalah kesihatan pada tahap individu, keluarga dan masyarakat dan menyelesaikannya melalui proses penyelidikan, rawatan, meningkatkan kesihatan, pengesanan awal penyakit dan pemulihan secara sistematik dan kos berkesan.
- Memimpin dan mengetuai pasukan kesihatan dan berkaitan dengan berkesan.
- Meningkatkan ilmu perubatan dan sains kesihatan dari masa kesemasa dan menerima hakikat yang pendidikan perubatan merupakan pendidikan berterusan sepanjang hayat.
- Bertugas di mana-mana situasi, lokasi, institusi perubatan, sains kesihatan, penyelidikan, industri sama ada dibandar maupun luarbandar, di dalam negara mahupun luar negara.
- Menggunakan kemahiran penyiasatan berasaskan bukti untuk meningkatkan pengetahuan dan menyumbangkan ilmu dari kegiatan penyelidikan melalui penulisan dan pembentangan saintifik.

Matlamat

- Menghasilkan graduan holistik yang berpengetahuan dan berketrampilan tinggi untuk memikul tanggungjawab dalam bidang perubatan dan sains kesihatan abad ke dua puluh satu.
- Menghasilkan profesional, saintis, pemimpin dan perintis dalam bidang perubatan dan sains kesihatan yang beretika dan bernilai murni bagi memenuhi keperluan perkhidmatan awam, sektor swasta dan masyarakat.
- Menjadi fakulti yang tersohor dalam pendidikan dan pembelajaran perubatan dan sains kesihatan, perkhidmatan kesihatan, penyelidikan dan inovasi di rantau ini.

Visi

Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan bertekad untuk menjadi pusat asimilasi dan penyebaran pengetahuan, penemuan dan inovasi dalam bidang perubatan dan sains kesihatan di Malaysia dan rantau ini. Fakulti bertekad melahirkan graduan berkualiti tinggi; berakhlak mulia, liberal, global, berdikari, setiakawan, inovatif dan bersedia memberikan perkhidmatan profesional kepada manusia sejangat untuk meningkatkan kualiti kehidupan mereka.

Misi

Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan berusaha untuk menjadi inovatif dalam mencapai wawasannya melalui pendidikan, pengalaman penyelidikan, perkhidmatan kesihatan dan projek komuniti yang berkualiti tinggi pada tahap sarjanamuda dan lepasan ijazah.

Prospek Kerjaya

Doktor Perubatan, Jururawat, Saintis, Pensyarah, Pegawai Sains, Pegawai Penyelidik.

TENAGA PENGAJAR

www.ums.edu.my/fpsk/